



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' AZHAR BIN HAJI ARSHAD
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI

SEMPENA

MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN
CEMERLANG TAHUN 2023

TARIKH / MASA / TEMPAT

21 MEI 2024 (SELASA)
10.00 PAGI

BUKIT JAWI GOLF RESORT
SEBERANG PERAI SELATAN

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

YB Tuan H'ng Mooi Lye

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang
Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan Dan
Perancangan Bandar & Desa

Yang Dihormati

En Bernard Cheen Goon Hoi
En Zainuddin Bin Mohamed
Pn Normahani Binti Muhammad
Datuk Mohd Noor Bin Ahmad
Whip Ahli Majlis
Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Tuan Haji Baderul Amin Bin Abdul Hamid

Setiausaha Bandaraya
Majlis Bandaraya Seberang Perai

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Para Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2023

Rakan-Rakan Media

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

1. Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama melahirkan rasa kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T., kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, dapat kita berkumpul dalam **Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2023** pada pagi ini di Bukit Jawi Golf Resort.
2. Terlebih dahulu, izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan H'ng Mooi Lye, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa yang sudi hadir merasmikan Majlis pada pagi yang berbahagia ini.
3. Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis: Yang Berusaha Tuan Setiausaha Bandaraya; Ketua-Ketua Jabatan MBSP; Pegawai-Pegawai Kanan MBSP; Pengerusi-Pengerusi Persatuan yang bernaung di bawah MBSP, warga kerja MBSP, rakan-rakan media dan semua yang turut hadir bersama-sama bagi menjayakan majlis pada pagi ini. Sekalung

penghargaan dan ucapan terima kasih kepada urus setia dan semua jabatan yang terlibat dalam menjayakan Majlis pada hari ini.

4. Mentadbir sebuah organisasi Pihak Berkuasa Tempatan adalah sama seperti mentadbir satu badan korporat. Saya menyanjung tinggi kesungguhan semua warga kerja MBSP di pelbagai peringkat yang sentiasa komited dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada rakyat Seberang Perai. Saya ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan Tahniah dan Syabas kepada semua warga kerja MBSP atas usaha-usaha dan pencapaian-pencapaian yang hebat dan memberangsangkan di dalam dan luar negeri selama ini.
5. Pengukuhan tadbir urus perbandaran, peningkatan keupayaan organisasi serta penerokaan inisiatif pendigitalan dan inovasi baharu bagi meningkatkan kecekapan dan perkhidmatan MBSP akan terus diberi keutamaan dan ditransformasikan bagi membangunkan keupayaan MBSP dalam terus memberi perkhidmatan yang meningkatkan kesejahteraan rakyat.
6. Pembangunan modal ilmu dan modal insan MBSP akan menghasilkan warga kerja yang cekap, dinamik dan mampu menawarkan perkhidmatan yang terbaik. Dalam memberikan perkhidmatan yang cemerlang untuk kesejahteraan rakyat di Seberang Perai, saya akan terus menekankan agar konsep **ABC** (Amanah, Betul dan Cepat) diamalkan dalam pelaksanaan semua

dasar dan program yang direncanakan serta tugas-tugas harian. Selain itu, kita juga perlu mengamalkan konsep **SMART** dalam melaksanakan tugas harian kita, S- *Specific*, M- *Measurable*, A- *Achievable*, R- *Reliable*, T- *Time* bagi memangkin Seberang Perai ke arah liveable and aspiring city.

7. Majlis yang diraikan hari ini adalah Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang, yang merupakan acara tahunan oleh MBSP, sebagai pengiktirafan dan penghargaan terhadap kecemerlangan yang telah ditunjukkan oleh warga kerja MBSP, dalam melaksanakan tanggungjawab yang telah diamanahkan dengan penuh dedikasi dan komitmen yang tinggi.
8. Saya berkeyakinan penuh bahawa warga kerja MBSP yang berada di hadapan saya pada hari ini merupakan penjawat awam yang cemerlang, yang telah melaksanakan tugasnya dengan penuh dedikasi. Sesungguhnya khidmat bakti yang telah disumbangkan kepada MBSP tidak dapat dibalas.
9. Anugerah Perkhidmatan Cemerlang merupakan manifestasi penghargaan dan pengiktirafan kepada pegawai-pegawai yang terpilih di Majlis Bandaraya Seberang Perai. Saya percaya semua Ketua Jabatan telah melaksanakan pertimbangan yang adil dan saksama untuk menentukan penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) yang layak. Diharapkan agar penerima-penerima APC dapat

menjana motivasi kepada semua warga kerja MBSP untuk terus membudayakan bekerja cemerlang sepanjang masa seiring dengan ekspektasi *stakeholders* dan kehendak warga Seberang Perai.

10. Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan Syabas dan Tahniah kepada semua penerima yang diraikan dalam majlis ini. Tahun 2023, seramai 315 kakitangan daripada 4,002 kakitangan telah layak dipilih dan diberi Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC). Kalau dipecahkan mengikut kumpulan perkhidmatan pula:-
 - i. **tujuh (7)** orang adalah daripada Kumpulan Pengurusan dan Profesional,
 - ii. **88** orang adalah daripada Kumpulan Pelaksana 1, dan
 - iii. **220** orang adalah daripada Kumpulan Pelaksana 2.
11. Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2023 akan menerima Sijil Perkhidmatan Cemerlang dan Hadiah Prestasi sebanyak RM1,000.00. Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang yang diadakan pada pagi ini adalah manifestasi penghargaan Pengurusan dan Pentadbiran MBSP terhadap kakitangan-kakitangan MBSP yang telah menunjukkan prestasi yang cemerlang sepanjang tahun 2023.
12. Segala usaha, pengorbanan, keringat dan usaha yang telah ditunjukkan oleh kakitangan ini dapat menjadi contoh dan pemangkin semangat kepada kakitangan-kakitangan yang lain terutama

kakitangan baru berkhidmat dengan MBSP. Penganjuran majlis seperti ini menjadi bukti bahawa pihak MBSP sentiasa mengambil berat soal kebajikan dan usaha-usaha kakitangan yang menjadi pendokong utama kecemerlangan MBSP.

13. Sesungguhnya ia bukti bahawa penerima APC ini merupakan aset yang amat bernilai kepada MBSP dalam memastikan kelestarian kejayaan berterusan sistem penyampaian perkhidmatan di masa-masa akan datang,
14. Justeru, saya mengambil kesempatan ini untuk menyeru warga kerja MBSP agar terus berkhidmat dengan semangat kebersamaan yang tinggi dalam memajukan MBSP dan memastikan penyampaian perkhidmatan sampai kepada kumpulan sasaran.
15. Sekali lagi saya mengucapkan Tahniah kepada penerima-penerima APC. Semoga kejayaan para penerima APC memberi inspirasi kepada rakan sekerja yang lain untuk turut berusaha meningkatkan prestasi diri masing-masing di masa akan datang.
16. Saya merakamkan ucapan ribuan terima kasih dan penghargaan saya kepada Yang Berhormat Tuan H'ng Mooi Lye kerana sudi hadir ke Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2023. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-Ahli Majlis, Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan MBSP yang hadir dan

memberikan komitmen penuh dalam menjayakan program pada hari ini.

Sekian, terima kasih.

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.***